

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 15 March 1971 > Page 7 > SRIWANA MUNGKIN TAK DAPAT PENTASKAN NYAI DASIMA DI-TV

SRIWANA MUNGKIN TAK DAPAT PENTASKAN NYAI DASIMA DI-TV

Berita Harian, 15 March 1971, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL6727

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

SRIWANA MUNGKIN TAK DAPAT PENTASKAN NYAI DASIMA DI-TV

NONGTJIK GHANI.

TULISAN penulis bernama Rozah, Singapura 4, (3 Mach) mengenai d e r a m a 'Nyai Dasima' di-tvkan dan jawapan Enche Zain Mahmud, pengarah Urusan TV Singapura, (4 Mach) mengenai perkara tersebut telah menarek hati saya.

Dan sa-bagai Setiausaha Sriwana yang terlibat langsung dalam tulisan itu, ingin memberikan sedikit penjelasan mengenai-nya.

Kalau sa-kira-nya Sriwana di-undang untuk membuat pertunjukan di-TV itu, belum tentu rasanya Sriwana dapat menunaikan-nya. Seba-b-nya: Pada masa ini kami sedang menjalankan rancangan2 yang pelaksanaan-nya berkaitan antara satu dengan yang lain — melibatkan ang-

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
15 March 1971Reel Number:
NL6727

Share



Table of Contents



ketaz Sriwana, terutama
seksi derama-nya.



Sa-telah tujuh bulan derama 'Nyai Dasima' dipentaskan, sudah pasti para pelakon-nya sudah lupa dailog2 yang pernah mereka hafalkan dahulu.

Kalau hendak di-tunjukkan sa-mula, maka masa latehan yang agak lama di-perlukan.

Sa-tidak2-nya sa-bulan.

Kerana pelakon2 tadi bukan semua-nya terdiri dari pelakon2 lama, tetapi juga banyak pelakon2 baru yang belum biasa beriakon di-TV.

Pada masa ini sa-bahagian dari pelakon2 utama Nyai Dasima sedang berlateh bersungguh2 untuk menyertai pesta derama anjoran Persekutuan Unibersiti Singapura, yang akan di-mulakan dari 21-27 Mach ini.

Di-samping itu, kami juga sedang membuat persiapan2 untuk pertunjukan Pesta Ria di-Pang-gong Negara pada 8 Mei.

Pertunjokan ini sangat penting bagi kami kerana kapada-nya terletak ha-

rapan kami untuk membiayai projek2 kami sepanjang tahun ini.

Selesai sahaja pertunjokan Pestaria itu akan di-susul pula dengan peraduan Pesta Derama dimaksudkan untuk memberikan pendidekan dasar kapada pelajar2 sekolah menengah yang ingin menyertai-nya.

Dan sementara persiapan ranchangan itu dilaksanakan, kami juga mula membuat persiapan untuk pementasan derama Dr. Shamsi sedikit demi sedikit.

Derama itu akan dipentaskan pada bulan Ogos depan.

Jika di-perhatikan ranchangan2 tersebut ternyata ia saling berkait antara satu sama lain dan semua-nya itu tidak ada yang boleh di-abaikan.

Oleh itu sukar untuk kami memenohi undangan menayangkan derama itu. Kami menuntut ma'af kapada pihak TV dan juga masharakat atas ketidak-sanggupan kami ini.

Insha-Allah di-lain kali jika maseh ada kesempatan, permintaan seperti itu akan dapat kami tunaikan.

Setiausaha,
Sriwana,
Singapura.

Related Articles



Pesta derama untuk kanak2 anjoran Sriwana

Berita Harian 23 December 1970

Pesta derama untuk kanak2 anjoran Sriwana CINGAPURA, Selasa Pesta dera...

Zain janji akan tayang cerita 'Nyai Dasima'

Berita Harian 4 March 1971

Zain janji akan tayang cerita 'Nyai Dasima' CINGAPURA, Rabu ±f Enche ...

Pesta Derama: Sriwana akan mementaskan karya dari Indonesia

Berita Harian 6 March 1971

Pesta Derama: Sriwana akan mementaskan karya dari Indonesia SINGAPURA,...



NLB
National Library Board
Singapore

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#)  [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#) [Browser Compatibility](#)

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019